

Slak Yang

ekstravaganza



JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جهاز كورانيان دان كسيان نكارا



Kandungan

Menghadap Rebab	2
Buka Panggung	4
Royat Hilang, Berita Timbul	5
Pecah Cerita	13
Persembahan	15
Khutubkhanah	20
Belasungkawa	27
Jong Dondang	35
Menghadap Kami Ke Timur	40

Menghadap Rebab

Royat hilang berita nak timbul
Timbul nak royat
Seorang Raja sebuah negeri
Seorang Raja sebuah menteri
Raja ada dengan menama
Negeri ada dengan bergelar

Seorang Raja siap memakai
Ambil selindang pakai ka
pinggang
Selindang menama Kain
Cinda Jantan
Ambil pekong lilit ke pinggang
Tujuh lilit bertemu punca
Pekong menama pelangi
silang
Ambil keris selip ka pinggang

Keris kecil kerajaan
Tongkat kecil kesaktian
Keris ada dengan menama
Keris menama Sepanah
Berang
Rentak di pangkal membunuh
lawan

Rentak di tengah telaga darah
Rentak di hujung gagak lapar

Ambil setangan iseh tenggek
di dahi
Tenggek kanan memangku
negeri
Tenggek kiri mengadap
perang
Liuk ka kiri liuk ka kanan

Amba lunglai kiri lunglai ka
kanan
Liuk lintuk gemulai balai
Seperti denak menanti lawan
Seperti sulur bermain angin
Seperti gajah melambung
belalai

Sirih kami luyah dijunjung
Seludang kami menolak
mayang
Bembang kami gugur di tapok
A yong dei...dei...dei...wei

Bom wei...membalik tipus
Dagan kami membuang cela
Sawah mengorak lingkaran
Amba berdiri tapak tiga
Amba nak pecah tapak tiga
Mengadap kami ka timur
jaga...

Dipetik daripada :

Kertas Kerja : 'The Kelantan Mak Yong Dance Theatre : A Study of Performance Structure' A Dissertation Submitted To The Graduate Division of The University Of Hawaii In Partial Fullfillment of The Requirements For The Degree of Doctor of Philosophy in Drama and Theatre, December 1976 by Ghulam Sarwar Yousof

Menghadap Rebab

The saga is about to begin
Of a Raja and a country
Of a Raja and a Minister
The Raja, he has an
appellation
The country, it has a
designation

The Raja, he prepares,
wearing
The complete regalia of office
His royal trousers, his royal
shirt
Fitting tightly to his skin

The Raja he wears his
selendang (shawl)
Wears it about his waist
The selendang, it is named
Kain Cinda Jantan
The Raja he gathers his sash
Wraps it around his waist
At the seventh wrap he
encounters the end
The sash it has a name
The sash it is called Pelangi
Silang

The Raja, he secures his keris
Slips it into his waist
The short keris of government
The short staff of sakti
The keris, it is called Sa-
Panah Berang
The curve at the hilt is death
in the war
The curve in the centre it is
the well of blood
The curve at the tip it is the
hungry crow

The Raja he takes his
setangan iseh
Perches it on his forehead
Perched to the right he rules
the country
Perched to the left he braves
the war

.....
Like the jungle fowl eager to
fight
Like the shoots dallying in the
wind
Like an elephant swaying its
trunk

The betel-leaves we bears on
our heads
The swoon in the carrying
The sheaths they are pushed
open
By the bursting palm-
blossoms
Our solitudes they are
destroyed in the bud
A yong dei...a dei... dei...wei

Bom wei...returning to our
position
Our yams they shed off their
blemishes
The padi-sawahs unwind their
curves
We stand on three points
We end the stand on three
points
We salute the awakening east



Buka Panggung

Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara,
Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan Malaysia


“

*Ambil cekur letak di telapak
Buat mantera pelindung desa
Bembang Mak Yong gugur di tapak
Kitalah penyambung pusaka bangsa*

”

Satu lagi usaha pemuliharaan dan pembangunan Teater Tradisional Mak Yong di bawakan khas untuk anda oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)

Royat Hilang, Berita Timbul



“Royat hilang, berita timbul...”

Pengenalan

Mak Yong merupakan kesenian tradisional Malaysia yang diangkat menjadi Warisan Dunia. Mak Yong diletak di bawah kategori *Masterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* dan telah mendapat pengiktirafan di UNESCO pada 25 November 2005. Ekoran dari itu JKKK melaksanakan program Perantisan Mak Yong di Kelantan sejak 2 Julai 2006 bagi memastikan kesinambungan kesenian tersebut. Bilangan pelatihnya yang mengikuti program ini berjumlah 22 orang. Antara jurulatih yang telah dan pernah terlibat dalam program ini Allahyarham En. Saari bin Abdullah, En. Awang Omar (Ahmad Rebab), Puan Norhayati Zakaria dan En. Awang Mat Ali.

Objektif

- Mengembang dan memartabatkan Mak Yong sebagai seni persembahan tradisional rakyat Malaysia yang diminati di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa
- Menjadikan Mak Yong sebagai seni persembahan yang diminati dan dihayati oleh generasi masakini
- Menjadikan Mak Yong sebagai produk seni budaya sehingga ke peringkat antarabangsa

Persembahan Utama

- Mak Yong Ekstravaganza 2008 mempersembahkan persembahan teater tradisional Mak Yong oleh kumpulan-kumpulan terlibat dalam MYE 08.
 1. DEWA INDERA INDERA DEWA
oleh : Kumpulan Mak Yong Kijang Emas JKKN
Tarikh : 27 November 2008
 2. ENDENG TAJELI
oleh : Kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya
Tarikh : 28 November 2008
 3. RAJA TANGKAI HATI
Oleh : Kumpulan Mak Yong Dewa Muda FSM UPSI
Tarikh : 29 November 2008
 4. NIK KECIK DEWA MUDA
oleh : Kumpulan Mak Yong ASWARA
Tarikh : 30 November 2008

Persembahan Sisipan

- 'Sketsa Peran' merupakan satu elemen pengisian dalam Mak Yong Ekstravaganza 2008. Motif lawak jenaka dan hiburan dimasukkan bagi memberi satu bentuk hiburan menggunakan pendekatan tradisi dalam Hiburan Mak Yong untuk merehatkan dan menghiburkan para penonton. 'Sketsa Peran' ini dipersembahkan oleh artis – artis dan pelawak tanahair seperti Sabri Yunus, Mek Siti, Osman Kering, Mat Over, Acappan dan Abe Jali. Persembahan akan diiringi dengan kumpulan pemuzik Mak Yong.

Jadual Persembahan 'Sketsa Peran' (28 – 30 Nov 2008)

Ampiteater Tunku Abdul Rahman

Masa : 8.00 – 8.30 mlm

Tarikh	Artis
27 Nov 2008	Sabri Yunus, Mek Siti, Acappan
28 Nov 2008	Osman Kering, Abe Jali, Mat Over
29 Nov 2008	Sabri Yunus, Abe Jali, Mat Over
30 Nov 2008	Osman Kering, Mek Siti, Acappan

Bengkel

- Bengkel Mak Yong 2008 dianjurkan kerana menyedari akan kepentingan kesenian tradisional Mak Yong dalam membimbing dan melatih peserta dalam memelihara kesenian tradisi Mak Yong agar terpelihara.
- Pengisian ceramah sepanjang bengkel tersebut adalah:
 1. Teori Sejarah Pengenalan Mak Yong
 2. Permainan Muzik Mak Yong
 3. Aspek Pergerakan Tari dalam Mak Yong
 4. Kostum & Tatarias Mak Yong
 5. Lakonan dalam Mak Yong
- Bengkel ini akan dikendalikan oleh penceramah-penceramah jemputan yang dilantik. Penceramah tersebut adalah seperti berikut:
 1. Puan Jumilah Md Tahir (Teori Sejarah Pengenalan Mak Yong)
 2. Encik Che Mat Jusof (Permainan Muzik Mak Yong)
 3. Puan Fatimah Abdullah (Aspek Pergerakan Tari dalam Mak Yong)
 4. Puan Zubaidah Sual (Kostum & Tatarias Mak Yong)
 5. Encik Mohd Nasir Yusoff (Lakonan dalam Mak Yong)

Jadual Bengkel Mak Yong

Masa / Tarikh	8.00 pg	8.30 pg	10.00 pg	10.30 pg	12.00 tgh	2.00 ptg	4.00 ptg
	8.30 pg	10.00 pg	10.30 pg	12.00 tgh	2.00 ptg	4.00 ptg	4.30 ptg
28 Nov 08 (Jumaat)	Sarapan Pagi	Teori Sejarah Pengenalan Mak Yong (AV Room) Penceramah : Puan Jumilah Md Tahir	Minum Pagi	Permainan Muzik Mak Yong (Pentas Terbuka) Penceramah : En. Che Mat Jusoh	Rehat / Makan Tengahari / Solat	Permainan Muzik Mak Yong (Pentas Terbuka) ** 3.00 ptg – 5.00 ptg Penceramah : En. Che Mat Jusoh	Minum Petang & Bersurai
29 Nov 08 (Sabtu)		Aspek Pergerakan Tari dalam Mak Yong (Studio Tari) Penceramah : Pn. Fatimah Abdullah		Aspek Pergerakan Tari dalam Mak Yong (Studio Tari) Penceramah : Pn. Fatimah Abdullah		Kostum & Tatarias Mak Yong (Studio Tari) Penceramah : Pn. Zubaidah Sual	
30 Nov 08 (Ahad)		Lakonan dalam Mak Yong (Pentas Terbuka) Penceramah : En. Mohd Nasir Yusoff		Lakonan dalam Mak Yong (Pentas Terbuka) Penceramah : En. Mohd Nasir Yusoff		Sesi Perbincangan (AV Room)	

Jelajah Mak Yong

- Jelajah / Persembahan Keliling adalah program persembahan yang dibawa ke peringkat negeri - negeri yang dipilih. Negeri - negeri tersebut adalah negeri Perlis mewakili zon Utara, negeri Melaka mewakili zon Selatan dan negeri Terengganu mewakili zon Timur. Jelajah Mak Yong melibatkan dua kumpulan Mak Yong bagi mengadakan persembahan di tempat berikut :

1. Taman Budaya Negeri Perlis
(Kumpulan Mak Yong Kijang Emas JKKN)
Tarikh : 3 Disember 2008
2. Taman Budaya Negeri Melaka
(Kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya)
Tarikh : 3 Disember 2008
3. Taman Budaya Negeri Terengganu
(Kumpulan Mak Yong Kijang Emas JKKN)
Tarikh : 6 Disember 2008





Pecah Cerita


Mak Yong Extravaganza '08

Pecah Cerita

**MAK YONG EKSTRAVAGANZA '08
27 NOVEMBER 2008 (KHAMIS)
AUDITORIUM TUNKU ABDUL RAHMAN
PUSAT PELANCONGAN MALAYSIA (MaTiC), JLN AMPANG**

- 8.00 Ketibaan dif-dif jemputan
- 8.25 Ketibaan YBhg Datuk Dr. Muzahet Masruri, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia
- 8.30 Negaraku
- 8.35 Upacara Buka Panggung oleh gabungan kumpulan Mak Yong Malaysia :-
Persembahan Tarian Mengadap Rebab dengan iringan Pemuzik Rebab En. Awang Omar dari Kumpulan Mak Yong Kijang Emas, JKKN
- 8.45 Persembahan Mak Yong 'Anak Raja Gondang' Oleh Kumpulan Mak Yong Kijang Emas, JKKN (Kump. Perantisan JKKN)
- 10.15 Penyerahan Sumbangan kepada Penggiat Kesenian Mak Yong
- Penyampaian Cenderamata
- Kumpulan Mak Yong Kijang Emas JKKN
 - Kumpulan Mak Yong Dewa Muda FSM UPSI
 - Kumpulan Mak Yong ASWARA
 - Kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya

Persembahan



Dewa Indera, Indera Dewa

**Oleh Kumpulan Mak Yong Kijang Emas
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara**

Kumpulan ini dipilih khas melalui program latihan berterusan sejak Julai 2006 sebagai matlamat untuk menjadikan kumpulan profesional yang dibiayai di bawah program pembangunan Mak Yong Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Mereka dilatih oleh Encik Omar Awang (Ahmad Rebab) jurulatih muzik, Puan Norhayati Zakaria dan Puan Rohani Zain (jurulatih tari dan lakon) dan Encik Awang Mat Ali (pembantu jurulatih muzik).

Tarikh : 27 November 2008
Tempat : Auditorium Tunku Abdul Rahman,
Pusat Pelancongan Malaysia
Masa : 8.30 – 10.45 malam



Dewa Indera, Indera Dewa mengisahkan tentang Dewa Indera yang ingin pergi berburu bersama dua orang dayangnya. Dewa Indera terpaksa membawa bersama adik kesayangannya iaitu Indera Dewa ketika berburu. Apabila berada di dusun lama kebun baru, Dewa Indera merasakan ada yang tidak kena dengan tempat berburu kerana air yang dibawa oleh pengasuh berbau busuk. Ketika memeriksa kawasan sekeliling Indera Dewa terjumpa seorang wanita seelok rupa yang pengsan iaitu Tuan Puteri Selindungan Daun yang menyorok daripada Raja Gergasi yang telah memaksanya kahwin. Tuan Puteri bersetuju untuk mengahwini orang yang telah memulihkannya daripada pengsan dan Dewa Indera berlepas untuk

menyembuhkannya. Dewa Indera sanggup memukul adiknya hanya kerana seorang wanita dan Indera Dewa sangat sedih kerana dia hanya ingin menguji kasih sayang abangnya semata-mata. Mereka akhirnya berdamai.


Ketika perjalanan pulang ke Istana, mereka terjumpa dengan Raja Gergasi. Dewa Indera bertarung dengannya demi mengambil Tuan Puteri Selindungan Daun, tapi apakan daya Dewa Indera kalah dan Indera Dewa pula cuba bertarung dan akhirnya Indera Dewa Berjaya mengalahkan Raja Gergasi. Setibanya di Istana, majlis keraian diadakan bagi menyambut hari pernikahan Indera Dewa dan Tuan Puteri Selindungan Daun.

Endeng Tejeli

Kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya

Kumpulan ini terdiri dari artis tari dan pemuzik Istana Budaya yang terlatih. Mereka mendapat bimbingan dari tokoh Mak Yong iaitu Puan Fatimah Abdullah (pensyarah ASWARA) dan Encik Che Mat bin Jusoh (pensyarah USM dan ASWARA)

Tarikh : 28 November 2008
Tempat : Auditorium Tunku Abdul Rahman,
Pusat Pelancongan Malaysia
Masa : 8.30 – 10.45 malam



Endeng Tejeli telah dipasung di Gua Tegayung kerana rupa parasnya yang tampan. Ketampanannya amat luar biasa sekali sehinggakan dia digilai oleh sekalian anak dara dan juga isteri orang. Di negeri Kota Lama pula, 3 adik-beradik terdiri daripada Raja Sulung, Raja Tengah dan Raja Bongsu masing-masing ingin menjadi Raja. Maka berlakulah pertarungan di antara mereka dan berakhir dengan kemenangan Raja Sulung. Kemenangan itu telah melayakkan beliau ditabal menjadi Raja Besar memerintah Negeri Kota Lama. Raja tengah dan Raja Bongsu merasa aib dan malu, lalu membawa diri ke dlm hutan.

Semasa dlm perjalanan, Raja Bongsu termakan sebiji telur

naga dan beliau bertukar rupa menjadi Nenek Sepat Petala Naga. Manakala Raja Tengah pula bertukar rupa menjadi Raja Gergasi disebabkan terlalu lama tinggal di dlm hutan. Raja Sulung dlm tidurnya telah bermimpikan seorang Puteri yg sgt cantik jelita, Puteri Gak Petra. Dia ingin memperisterikan puteri tersebut. Wak Nujum pula dipanggil ke Istana.

Mengikut Wak Nujum, hanya Endeng Tejeli yang boleh mengambil Puteri Gak Petra dari jagaan Nenek Sepet Petala Naga. Maka bermulalah pelbagai kisah dan rintangan yang ditempuhi oleh Endeng Tejeli untuk mendapatkan Puteri Gak Petra bagi dipersembahkan kepada Raja Sulung.

Raja Tangkai Hati

Oleh Kumpulan Mak Yong Dewa Muda Kuala Lumpur

Kumpulan ini terdiri dari pelajar UPSI yang bergiat dalam persembahan Mak Yong di Kuala Lumpur dan di lain-lain tempat di seluruh negara.

Tarikh : 29 November 2008
Tempat : Auditorium Tunku Abdul Rahman,
Pusat Pelancongan Malaysia
Masa : 8.30 – 10.45 malam



Raja Tangkai Hati ingin membawa isterinya Puteri Cempaka Emas dan dua orang anaknya Malim Bisnu dan Malim Bongsu pulang ke negeri asalnya, negeri Sekota Batu, setelah dipersetujui oleh bapa mertuanya Raja Besar Alur Agung. Dalam pelayaran mereka menuju ke negeri Sekota Batu, mereka telah dihalang oleh Puteri Bota yang tinggal di Teluk Telat Mati Anak Teluk Mati Angin. Puteri Bota berdendam dengan Raja Tangkai Hati kerana tidak mengahwininya. Puteri Bota menyamar menjadi sekuntum bunga di tepi kolam dan menunggu Puteri Cempaka Emas bersama Malim Bisnu dan Malim Bongsu.

tersebut, Puteri Bota terus membawanya lari dan menyeton Puteri Cempaka Emas di pokok. Kemudian Puteri Bota menyamar menjadi Puteri Cempaka Emas dan kembali ke kapal. Penyamaran Puteri Bota tidak dapat memperdaya Malim Bisnu dan Malim Bongsu kerana mereka amat mengenali Bondanya. Hal tersebut diadukan kepada Raja Tangkai Hati dan Raja Tangkai Hati menjadi marah lalu mencampakkan Malim Bisnu dan Malim Bongsu ke dalam laut.

Malim Bisnu dan Malim Bongsu diselamatkan oleh Dewa Bentara Guru. Dewa Bentara Guru cuba membantu Malim Bisnu dan Malim Bongsu menghalang ayahandanya sampai ke negeri Sekota Bota. Dewa Bentara Guru juga memberikan cara

memohon bantuan daripada Mak Ikan Jerung untuk membawa mereka ke tempat Bonda mereka ditawan.

Namun begitu, Malim Bisnu dan Malim Bongsu dikehendaki membunuh Puteri Bota kerana darah Puteri Bota sahaja yang dapat menyelamatkan Bonda mereka. Lalu berlakulah perlawanan antara Puteri Bota dengan Malim Bisnu. Setelah Puteri Bota mati, darahnya disiram pada Puteri Cempaka Emas. Mereka kembali ke negeri Sekota Bota dan hidup dengan aman bahagia.

Nik Kecik Dewa Muda

Kumpulan Mak Yong Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA)

Kumpulan ini terdiri dari pelajar ASWARA yang mengambil subjek Mak Yong pada tahun 2008. Mereka dilatih oleh pensyarah ASWARA Encik Mohd Nasir bin Yusoff.

Tarikh : 30 November 2008
Tempat : Auditorium Tunku Abdul Rahman,
Pusat Pelancongan Malaysia
Masa : 8.30 – 10.45 malam



Mengisahkan tentang Nik Kecik Dewa Muda yang memerintah di dalam Negeri Selurah Tanah Jawa. Bonda bernama Tuan Puteri Selindungan Bulan, manakala ayahandanya bernama Tok Raja Jawa. Baginda bermimpi di datangi oleh seorang tua tiga kali bongkok tiga kali betul yang meminta baginda pergi memburu seekor kijang iaitu Kijang Mas Kijang Ucana yang terdapat di Alah Sunyi Belukar Yang Muda – Muda. Setelah dipersetujui oleh bonda baginda, lalu berangkatlah baginda bersama-sama pengasuh mencari kijang tersebut. Dapatkah Nik Kecik Dewa Muda mencari kijang tersebut? Marilah sama-sama kita saksikan.



Rhutupkhanah:

“Liuk Lintuk Gemulai Balai...”

“Liuk Lintuk Gemulai Balai...”

Pengenalan Teater Tradisional Mak Yong

Mak Yong merupakan satu taridra Melayu yang unik dan halus. Ia merupakan kombinasi unsur tarian, muzik, drama dan komedi yang dipentaskan secara teater keliling. Pelakonnya terdiri daripada gadis-gadis yang cantik jelita yang mengambil semua peranan lelaki dan wanita kecuali watak komedi dikenali sebagai ‘peran’. Keadaan ini disebabkan Mak Yong merupakan hiburan permaisuri dan puteri raja. Oleh kerana bimbang sekiranya mereka jatuh hati kepada pelakon Mak Yong semasa raja atau pembesar meninggalkan istana untuk tugas di luar istana maka pelakonnya terdiri daripada perempuan atau wanita belaka.

Mak Yong dilahirkan di istana Melayu kira-kira 400 tahun lampau dan kemudiannya tersebar di negeri Pantai Timur Semenanjung terutamanya Kelantan. Dalam persembahan, watak Mak Yong berlagak seperti pengantara mewakili raja dan rakyatnya bagi tujuan meminta sesuatu.

Istilah Mak Yong berasal dari nama Mak Hiang iaitu nama semangat padi dan mempunyai persamaan dengan Dewi Seri, dewi Hindu-Jawa. Mak Yong dianggap sebagai suatu pemujaan terhadap alam seperti yang terdapat dalam lirik Lagu Mengadap Rebab, lagu yang mengiringi tarian pembukaan dalam

pertunjukan Mak Yong.

Awal abad ke-20 Mak Yong diiktiraf sebagai hiburan istana oleh Tengku Temenggung Ghaffar, seorang putera raja Kelantan telah meletakkan mak Yong di bawah perhatian dan pimpinannya secara peribadi. Beliau memperuntukkan beberapa kawasan dalam istana lama di Kota Bharu sebagai suatu ‘daerah teater’ dan menamakannya daerah tersebut mengikut nama baginda iaitu Kampung Temenggong.

PAKAIAN

Persembahan Mak Yong tidak memerlukan prop tetapi pakaian watak-watak adalah

lengkap dan nama eksklusif. Watak-watak penting dalam Mak Yong diberikan nama khas dan setiap watak mempunyai pakaian lengkapnya sendiri walau apa ceritanya sekalipun. Pakaian Pak Yong muda adalah sama. Kedua-duanya memakai setanjak atau mahkota diperbuat daripada kain baldu dengan hiasan mutu manikam dan mempunyai bahagian tepi yang berkilauan. Di bahagian atas setanjak dihiasi dengan beberapa kuntum melor yang digantung pada atas telinga kiri.

Pada seabad lalu, Pak Yong Muda (watak utama) memakai setangan batik dan tujuh ulas ikatan bunga Melor berjuntai dari telinga kiri. Lebih awal dari itu pakaian Pak Yong muda dipengaruhi gaya mempelai di raja Patani dengan memakai setanjak yang diperbuat daripada sutera kuning dan dihiasi dengan bunga-bunga emas yang digantung pada rantai-rantai emas terjuntai di telinga kiri. Setanjak Pak Yong Tua

dihiasi lebih indah daripada warna yang lebih tua. Kedua-dua Pak Yong memakai baju sutera berwarna kuning, kemas, tidak berkolar, berlengan pendek. La atau hiasan dari manik-manik dan mutu manikam, labuhnya hingga ke pinggang di pakai di atas baju. Semua pelakon tidak memakai kasut kerana mereka bermain di hadapan raja dan pembesar-pembesar.

Pakaian Mak Yong Puteri juga hampir sama. Mereka memakai kebaya sutera dan berkeronsang emas dan permata. Sarung sutera diikat dengan tali pinggang dan mereka mempunyai pending batu permata. Sehelai kain sibar tergantung di bahu kiri, diselitkan pada pending dan panjangnya hingga ke paras lutut. Kain sibar biasanya bertekak benang emas. Mereka kedua memakai pemeles, tali tangan emas, gelang kaki emas dan cincin pemberian raja.

Lain-lain pelakon yang mengambil bahagian ialah watak dayang memakai kebaya dan sarung sutera tetapi tiada berpending atau kain sibar. Mereka memakai sanggul dan bunga melor dilekat pada sanggul. Peran-peran memakai baju pendek biasa, kain sarung dan sepasang seluar besar. Mereka juga memakai semutar daripada kain benang yang pada waktu lain boleh juga diikatkan ke pinggang.

Selain dari perkakas-perkakas tersebut Pak Yong juga membawa seikat rota yang dipanggil Rotan Bera. Rotan ini digunakan untuk memukul Peran. Kain lepas (benang) juga digunakan untuk keperluan lain seperti menggambarkan wau, anak yang baru lahir atau digubah untuk menyerupai gajah.

Cerita-cerita utama dalam Mak Yong :

- | | |
|----------------------------|-----------------------------|
| 1. Dewa Muda | 8. Raja Tangkai Hati |
| 2. Dewa Pechil | 9. Raja Muda Lak Leng |
| 3. Dewa Sakti | 10. Raja Muda Lembek |
| 4. Dewa Indera Indera Dewa | 11. Raja Besar Dalam Negeri |
| 5. Dewa Panah | Ho Gading |
| 6. Anak Raja Gondang | 12. Bentara Muda |
| 7. Gading Bertimang | |

Watak-watak penting dalam cerita Mak Yong :

1. Pak Yong

Yang juga menjadi raja atau pemerintah dan menjadi tulang belakang cerita Mak Yong.

2. Pak Yong Muda

Watak utama atau hero dalam cerita Mak Yong. Watak inilah yang mengalami pelbagai peristiwa dari saat ia dilahirkan hingga dewasa. Semua cerita berkisar di sekitar kehidupan Pak Yong Muda.

3. Mak Yong

Juga permaisuri dan dalam cerita mengambil peranan penting sebagai watak utama.

4. Puteri Mak Yong

Sebagai heroin dalam cerita Mak Yong.

5. Peran

Terdapat beberapa orang peran atau pelawak di dalam cerita Mak Yong. Peran Tua biasanya memegang watak yang lebih penting daripada peran-peran lain dan bertindak juga sebagai orang suruhan raja. Lain-lain peran adalah watak kelakar.

6. Dayang-dayang

Terdiri dari gadis-gadis manis juga bertindak sebagai penari-penari atau pengiring-pengiring makyung atau Puteri Mak Yong.

Selain dari yang tersebut di atas, watak-watak jahat juga tidak ketinggalan seperti Raja Jin dan sebagainya sebagai pihak lawan.

ALAT-ALAT MUZIK

Muzik ialah unsur yang sangat penting dalam Mak Yong dan fungsinya ialah;

- i. Bunyi aluan muzik terutama daripada Rebab digunakan untuk menarik penonton dan memaklumkan bahawa pementasan Mak Yong akan bermula.
- ii. Muzik digunakan untuk membentuk suasana yang menggambarkan emosi dan perasaan di setiap adegan. Biasanya suasana ini digambarkan dengan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh watak-watak utama dan juga korus atau nyanyian beramai-ramai. (Jong Dondang)
- iii. Muzik digunakan untuk mengiringi tarian dan nyanyian.
- iv. Muzik digunakan untuk menandakan permulaan dan penamatan adegan-adegan, keluar masuk watak juga diiringi oleh muzik (terutama bunyi gendang) diselitkan antara dialog-dialog.

Kumpulan muzik Mak Yong yang lengkap mengandungi alat-alat berikut;

- i. Sebiji rebab
- ii. Sepasang gendang ibu dan anak
- iii. Sepasang geduk ibu dan anak
- iv. Sepasang gong ibu dan anak
- v. Sepasang serunai

Ahli muzik yang penting dalam kumpulan pemuzik Mak Yong ialah pemain rebab yang dikenali dengan nama Tok Minduk. Beliau adalah ketua dan juga pemimpin kumpulan muzik itu. Beliau memulakan semua lagu dengan sepanjang 8-16 'measure' yang selepas itu diikuti oleh gendang, gong, suara penyanyi solo dan korus. Beliau memberi isyarat memulakan lagu, menukar rentak dan hal lain mengenai aspek muzik. Tok Minduk dan ahli muzik lain menghafal kesemua lagu-lagu Mak Yong. Ia juga menjalankan istiadat buka panggung. Ahli-ahli muzik ditempatkan di sudut kiri pentas dan Tok Minduk duduk mengarah matahari jatuh.

STRUKTUR MAK YONG

Cerita Mak Yong mempunyai struktur tersendiri. Bentuknya adalah sama dalam semua cerita yang dimainkan. Setiap cerita bermula dengan Upacara Mengadap Rebab. Watak utama akan menyanyi diikuti oleh korus. Seterusnya pelakon membuat gerak seni jari, bahu dan badan sambil menyanyi. Bangun secara perlahan dan berdiri tegak sebaik sahaja habis menyanyi solo. Kemudian bergerak mengelilingi pentas dengan tarian perlahan dan salah seorang akan memulakan nyanyian solo iaitu lagu Sendayong Mak Yong.

LAGU-LAGU DALAM PERSEMBAHAN MAK YONG

Lagu-Lagu Makyong :

1. Bertabuh
 - ii. Bertabuh Gendang
 - iii. Sedayung Bertabuh
2. Sang Gendang
3. Mengadap Rebab
4. Sedayong Pak Yong
5. Pak Yong Muda
6. Barat Anjur
7. Barat Cepat
8. Berkhabar
9. Tok Wak Bari
10. Seri Gunung
11. Kijang Emas
12. Berdiri Kaki Tunggal
13. Mengulak

PENUTUP

Kini Mak Yong yang dipertontonkan adalah untuk maksud hiburan semata. Pada 25 November 2005, Mak Yong telah mendapatkan pengiktirafan dari United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai Karya Agong Dunia di 3rd Proclamation of Masterpieces of the Oral and Intangible Heritage of Humanity Pengiktirafan tersebut adalah bagi kategori warisan kebudayaan lisan dan tidak nyata dunia yang merangkumi bentuk ekspresi tradisional yang dikenali oleh masyarakat seperti bahasa, sastera lisan, muzik, teater, tarian, permainan, mitos, upacara, adat istiadat, pengetahuan kraf dan lain-lain. Dengan pengiktirafan tersebut Mak Yong menjadi harta budaya negara yang tidak ternilai.

Dipetik dari buku: Teater Tradisional Melayu; Buku Satu: Mak Yong oleh Ghazali Abdullah Terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1995



Belasungkawa



Mengenang Primadona Mak Yong

Allahyarhamah

Khatijah Awang

(1941 - 2001)

Mengenang Primadona Mak Yong Allahyarhamah Khatijah Awang



SENIMAN NEGARA KEEMPAT

Primadona Khatijah Awang (1941 hingga 2001)

Nama : Khatijah Binti Awang

Tarikh Lahir : 13 Ogos 1941

Tempat Lahir : Pasir Mas, Kelantan

Bapa Tokoh : Awang Bin Abdullah

Ibu Tokoh : Fatimah Binti Musa

Adik-beradik : 2 Orang

Anak ke : Ke-dua

Pekerjaan : Pensyarah Tamu Akademi
Seni Kebangsaan Malaysia, Pelakon &
Pengarah Teater

Khatijah Binti Awang, Tokoh Primadona Teater Tradisional Mak Yong ini dilahirkan pada 13 Ogos 1941 di Pasir Mas, Kelantan. Khatijah atau lebih mesra dengan panggilan Mak Jah didodoikan dengan irama Mak Yong sejak kecil lagi. Khatijah Awang telah melibatkan dirinya dalam seni persembahan Mak Yong secara aktif setelah merasa terpenggil untuk meluahkan bakat yang mengalir dalam darahnya. Apatah lagi beliau pada masa itu mendapat sokongan dari arwah suaminya dan ibu mertuanya Che Kemala yang telah turut sama menurunkan ilmu Mak Yong kepadanya. Dalam teater tradisional Mak Yong, tarian dan

mencabar kemampuan seseorang primadona Mak Yong. Beliau dilihat sebagai pejuang Mak Yong yang terus berusaha mempertahankan kesenian tradisional itu yang pernah mendapat naungan Diraja pada zaman lampau. Mak Jah bersama kumpulannya Seri Temenggung telah menjelajah ke seluruh Malaysia untuk mempersembahkan Mak Yong. Mak Jah dan kumpulannya terus mendapat sanjungan apabila berpeluang mempersembahkan Mak Yong sewaktu Persidangan Muzik Tradisional dan Teater Asia Tenggara yang diadakan pada Ogos, 1969. Keadaan ini merupakan salah satu langkah untuk memulihara dan mengekalkan Mak Yong

Yong di hadapan Ratu Elizabeth di London satu ketika dahulu. Di atas sumbangan dan jasanya dalam memartabatkan teater tradisional Mak Yong, maka Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah menganugerahkannya sebagai Seniman Negara pada 10 November 1999. Seajar dengan itu, beliau turut secara tidak langsung dilantik sebagai Seniman Tamu Kementerian dan seterusnya menjadi pakar rujuk dalam Mak Yong. Mak Jah terus berbakti hinggalah kembali ke rahmatullah pada 13 September 2001. Al-Fatihah buat Mak Jah – Primadona Mak Yong yang tiada duanya.

Penceramah

JUMILAH MD TAHIR

Mula bertugas di USM pada 1hb April 1981, berkhidmat di Pusat Matrikulasi selama 10 tahun. Tahun 1991 bertugas di Jabatan Pendaftar selama 3 tahun tahun 1994. Cuti belajar di USM 1994 -1995 – Sijil Seni Kreatif, 1995-1999 ijazah (Seni Lakon) selama 4 tahun dan sambung keperingkat sarjana 1999-2000 (Seni Lakon) Bertugas sebagai tenaga pengajar bahagian seni lakon teater tradisional (Makyung) di Pusat Pengajian Seni. Melibatkan diri di dalam seni tari/nyanyian dan berkarya di bawah kumpulan 'Atika Minden' Universiti Sains Malaysia. Menceburkan diri di dalam Makyung bermula tahun 1981 dan di ajar oleh Allahyarham Ayob Ismail kebetulan seorang Pegawai Kanan Kebudayaan USM. Latihan nyanyian dan muzik diketuai oleh saudara Che Mat Jusoh dan turut membantu mengajar dibayar gaji oleh USM untuk Cerita/Lakonan adalah sepasang suami isteri iaitu Allahyarham En Osman b. Harun (Abang Pak Adik) dan isterinya Mek Yam dari Cabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat, Kelantan selama 10 tahun. Mempelajari tarian dan aksi lakonan dari Allahyarham Che Wan Abdul Wahab -2008 disamping itu juga merupakan seorang pemain muzik wayang kulit, pemain muzik gamelan dan merupakan seorang Pengacara Majlis yang berkaliber.

CHE MAT BIN JUSOH

Beliau merupakan Penolong Pensyarah di Pusat Pengajian Seni, Unversiti Sains Malaysia (USM). Beliau mula belajar bermain alat muzik wayang kulit dan Mak Yong pada tahun 1968 semasa berumur 14 tahun dengan En. Ayub Ismail. Pada tahun 1969 telah dibawa oleh En. Ayub untuk mendalami cara-cara bermain rebab dengan seorang pemain rebab mak yong sebelum perang dunia kedua iaitu Raja Hasaan bin Raja Ibrahim dan serentak dengan itu juga menjadi salah seorang pemain muzik tradisional dalam kumpulan mak yong Sri Temenggung. Dalam kesempatan itu juga belajar dengan Abdullah Awang (Dolah Supa) mengenai lagu-lagu mak yong. Pada tahun 1970 mula belajar rebab dengan Che Ahmad Senik, salah sorang pemain rebab dalam kumpulan mak yong Mak Aji dari kampung Tawang. Dari dua orang guru rebab inilah dan dibantu oleh dua orang pemain mak yong yang berpengalaman iaitu Maimunah Umat dan Minah Yussof saya telah banyak mempelajari lagu-lagu mak yong yang sudah pupus sekarang ini. Di antaranya ialah lagu Jembar, Ela, Cagak Manis, Pandan Wangi, Buluh Seruas, Gading Bertimang dan lain-lain lagi. Pernah juga mendapat bimbingan dari Othman Harun (Pak Adek) Cabang Empat Tok Mek Ngah, Harun Deraman, Tuan Long dan Dolah Kubang Telaga di dalam mempelajari muzik

Penceramah

FATIMAH ABDULLAH

Fatimah Abdullah antara segelintir penggiat dan aktivis makyong yang masih meneruskan kesinambunga hayat tradisi tersebut. anak kepada tokoh peran terkenal, Abdullah awing atau lebih dikenali dengan gelaran Dollah Supa denga pasangannya Che Bidah Jusoh atau lebih dikenali dengan Bidah A Bunga Tanjung dalam tradisi persembahan di sana. Fatimah dilahirkan di Wakaf Tapai, Terengganu sewaktu rombongan makyong membuat persembahan di sana. Ayahnya, Abdullah Awang adalah salah seorang pengasas kepada Kumpulan Seri Temenggung apabila kumpulan itu ditubuhkan. Antara penglibatan beliau dalam kesenian Mak Yong mempelajari seni makyong di kg kedemik wakaf baru (1966), bersama kumpulan seri temenggung (1967 – 1973), Anak raja gondang (1968), Raja dewa indera (1972), Dewa indera indera dewa (2001), Makyung anak raja gondang (2001), Batak raja gondang (2002), Raja besar ho gading (2003), Makyung raja tangkai hati (2003), Mak yung raja besar ho gading (2004), Makyung raja muda laksana (2004), Raja muda lek lakleng (bachok, kelantan untuk unesco), Makyung tiong winara (2005), Makyung anak raja gondang ii (2006), Mak yung anak raja panah (2006) dan Makyung dewa indera indera dewa (2006)

ZUBAIDAH BINTI SUAL

Memulakan karier di Muzium Negara sebagai penyelidik di Bahagian Etnologi selepas menamatkan pendidikan di peringkat STPM sejak tahun 1972. Menerima Basiswa Kerajaan Persekutuan mengikuti Kursus dalam bidang 'Textiles Conservation' di The Textiles Conservation Centre, Surrey, England dalam tahun 1981-1982.

Selepas itu beliau meneruskan perkhidmatan sebagai Penolong Kurator di Muzium Negara khusus dalam penjagaan kolej tekstil dan barang kemas. Dalam tahun 1997, beliau ditawarkan Basiswa Kerajaan Switzerland mengikuti Kursus Lanjutan Khusus dalam bidang mewarna tekstil selama 3 bulan di Bern, Switzerland.

Tahun 1999, beliau memulakan karier di Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia sebagai Pegawai Kebudayaan dan ditempatkan di istana budaya. Disinilah Zubaidah mula bergiat dalam rekaan kostum dan penasihat untuk seni persembahan teater di Pentas Istana Budaya.

Sejak memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam, Zubaidah banyak menghabiskan masa dengan membuat penyelidikan dan pameran mengenai tekstil, busana dan barang kemas Melayu, Kepulauan Indonesia dan negara-negara lain seperti Filipina, Singapura, Thailand, Jepun, New York, Los Angeles, Paris, London dan Jerman.

Kini beliau memulakan fasa lain dalam hidupnya setelah meninggalkan Perkhidmatan Awam bagi menumpukan perhatian kepada Galeri Cashmere.

Penceramah

CHE MOHD NASIR BIN YUSOFF

CHE MOHD NASIR BIN YUSOFF, atau Pak Nasir 52 tahun berasal dari Kg. Bunuhan ,Tumpat, Kelantan, sebuah negeri yang terkenal dengan seni persembahan dan pengubatan tradisional seperti Main Petri, Mak Yong, Menora Dikir Barat, Wayang Kulit , Tok Selampit, Rebana Ubi dan banyak lagi. Beliau telah didedahkan kepada seni tradisional Malayu sejak kecil lagi. Pak Nasir mendapat tunjuk ajar dari ramai tokoh seni tanah air seperti Arwah Pak Soh Tok Minduk (Guru Main Teri), Arwah Mahmud Tok Payung (Guru Mak Yong), Arwah Pak Hamzah Awang Amat (Guru Wayang Kulit Kelantan-Seniman Negara Pertama), Arwah Seman Wau Bulan (Guru Dikir Barat)

Jawatan sekarang adalah sebagai pensyarah dan Adiguru Wayang Kulit Oleh ASWARA.

Peran

(PERSEMBAHAN SISIPAN)

MEK SITI



Nama penuh Nik Sayyidah Fatiha binti Yazib dan lebih dikenali dengan panggilan Mek Siti. Beliau berasal dari Negeri Kelantan Daru Naim. Beliau sangat dikenali menerusi rancangan Salam Pantai Timur di RTM 1. Selain berlakon, beliau juga turut menjadi pengacara di rancangan Nasi Lemak Kopi "o" di TV9.

ABE JALI



Mohd Idris bin Berahim atau dikenali dengan Abe Jali. Beliau berasal dari Bachok, Kelantan dan berumur 48 tahun. Selain berlakon, beliau juga turut diundang menjadi pengacara, selain itu, beliau juga sangat bergiat aktif dalam kesenian Dikir Barat bersama-sama Pendikir Kelantan dari tahun 2001 hingga sekarang. Beliau sangat popular menerusi rancangan Salam Pantai Timur di RTM1. Antara penglibatan beliau dalam dunia seni tanah air seperti Sebiru Warna Laut, Khilaf Ayah, Cinta Hujung Canting, Selagi Tuhan Masih Sayang dan yang terbaru Selebar Tidak Bertali.

MAT OVER



Nama penuh Sulaiman Md Yasin. Beliau berasal dari Kuala Berang, Terengganu. Antara penglibatannya dalam dunia lakonan ialah Kolej 56 (1989), Nadia (1992), Jimi Asmara (1995), Gila Bola (2003) dan Budak Lapok (2007).

Peran

(PERSEMBAHAN SISIPAN)

ACAPPAN



Acappan atau nama penuhnya Samynathan a/l Rethinam. Beliau berasal dari Parit Buntar, Perak. Telah melibatkan diri dalam dunia seni hiburan tanah air sejak tahun 1990 hingga sekarang. Imbas kembali di sepanjang penglibatannya dalam dunia seni tanahair antaranya adalah Adik, O.K, Mira Edora (1990), Rimba Malam (1992), Hanny (1993), Simfoni Kasih (1994), Bisikan Cinta (1995), Surat Kasih (1996), Lagi-lagi Senario (2001), Iskandar, Gila Bola (2003), Biar Betul (2004), dan Shh... Dia Datang (2009).

SABRI YUNUS



Nama penuh beliau adalah Mohd Sabri Bin Yunus. Beliau berasal dari Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Beliau merupakan seorang pelawak yang begitu 'otai' dalam dunia lawak. Selain berlakon dalam drama TV dan filem, beliau juga turut berlakon di pentas teater tanahair dan antarabangsa. Antara penglibatan beliau dalam dunia seni adalah Driving School (1990), Wanita Bertudung Hitam (1992), Sayang Salmah (1995), Yes Tuan (1996), Puteri Gunung Ledang (2004), Budak Lapok (2007). Beliau juga menjadi Otai Lawak bagi program Raja Lawak ASTRO pada 2007.

OSMAN KERING



Nama penuh Osman bin Kassim. Beliau berasal dari Bachok Kelantan. Seorang pelakon dan pelawak yang tidak asing lagi di Malaysia. Antara lakonan terbarunya ialah Kanto (2009) dan Antoo Figther (2008)



Jong Dondang

Jong Dondang

Pengerusi

YBhg. Dato' Norliza Rofli

Timbalan Pengerusi

Tn. Hj. Mod Zaky bin Hj. Din

Setiausaha

Pn. Fauziah Zakaria

Timbalan Setiausaha

En. Nik Muhamad Faiszulikwan Mohammad

Urus Setia

Cik Sabarina Masadi

Pn. Norlelah Abd. Karim

En. Mohd Azali bu Hasan

Cik Nurmizanun Shaari

Cik Siti Atiqah Ab Lah

Pn Baftihera Abu Bakar

En Mohd Farid Husin

En Afzainizam Mahmad

Pengurus Kump. Mak Yong Kijang Emas JKKN

Pn. Roslina bt Noor

Pengurus Kump. Mak Yong ASWARA

Pn. Raja Nor Sheela bt Raja Aziddin

Pengurus Kump. Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya

En. Rosnan bin Abdul Rahman

Pengurus Kump. Mak Yong Dewa Muda FSM UPSI

Cik Lena Farida Hussain Chin

Pengacara

En. Saifulkhairi Ahmad

Cik Nik Sayyidah Fatiha binti Yazib

JAWATANKUASA KECIL

Jawatankuasa Jemputan

Ketua

Pn. Hidayatul 'Ein Mohamad Azmi

Ahli

Pn. Somira Abd. Rahman

Pn. Rosdiana Roman

En. Mohamad Haris Zakaria

En. Johan Wahyuddin Taib

Cik Siti Fatimah Sulaiman

Jawatankuasa Sambutan, Protokol & Cenderahati

Ketua

Pn. Noor Seela Noor Sulaiman

Ahli

Pn. Aishah Jantan

Pn. Habsah Mohd Jantan

Cik Noor Hanida Shaari

Cik Hanimah Samsudin

Cik Noraini Abd. Razak

Pn Rosnorliza Rosli

Jawatankuasa Persiapan Tempat, Keceriaan &

Tempat Letak Kereta

Ketua

En. Hasryn Izzuddin Mohd Khairy

En. Zulhairi Ibrahim (MaTIC)

Ahli

En. Abd Rashid Abdullah

En. Mohd Zaidi Che Hussain

En. Syukri Abdul Aziz

En. Nor Hazaimi Wahab

En. Dzakirin Zainuddin

Jawatankuasa Bengkel

Ketua

Pn Fauziah Zakaria

Ahli

Cik Rohaniza Abdullah

Pn. Harliana Samsudin

Pn. Norlelah Abd Karim

En. Azali Abu Hasan

Cik Lydia Irfan Mohd Isa

Jawatankuasa Persembahan & Teknikal

Ketua

En. Rosnan Nordin

Pen. Ketua

En. Saifulkhairi Ahmad

Ahli

En. Shahril Nizam Shahron

Cik Jamaliah Azman

Cik Aziemah Abu Samah

Pn Nor Haslinda Jaafar

En. Mohd Yazid Mohd Hamdan

En. Mat Pandi Awang

Jawatankuasa Promosi & Publisiti

Ketua

Cik Ezlina Alias

Ahli

En. Hassanal Redzuan

En. Afzainizam Mahmad

Pn. Noor Farazielah Mohd Amran

En. Mohamad Asyraf Yusof

Cik Rozita Abd Rahim

Cik Siti Anah Ambelu

Jawatankuasa Makan Minum

Ketua

En. Mohd Raizuli Jusoh

Ahli

Cik Norazlin Nordin

Encik Ismarizal Zulamran

Jawatankuasa Penginapan & Pengangkutan

Ketua

En. Baharuddin Baharin Ramli

Ahli

Pn. Zanariah A. Bakar

En. Azree Azizi Mat Nayan

En. Shahidin Che Mod

En. Mohd Azreen Abdullah

Jawatankuasa Rakaman, Pameran & Dokumentasi

Ketua

En. Zulkarnain Ramly

Ahli

Cik Rohainiza Abdullah

En. Muhammad Haqkam Hariri

Cik Doria Victoria janiur

En. Zaman Sulieman

Pn. Fauziah Ahmad

En. Zulfadzli Samawi

Jawatankuasa Kajian Khalayak

Ketua

Pn Zuriah Mohammad

Ahli

Cik Nursyaini Syahrial

En. Mohd Azril Abd. Kadir

Cik Roziliana Ramli

Cik Zuraidah Zulkifli

Jawatankuasa Kewangan

Ketua

En. Mohd Amran Haris

Ahli

Pn. Nor Ainiyah Yahya

Cik Norazra Mohd Ayob

Cik Helna Hashim

Jawatankuasa Teknikal MaTiC

Ketua

Mohd Zuhairi B Ibrahim

Ahli

Samsuddin B Puasa

Muhamad Shahrizan B Abd Razak

Shahrulnizam B Bakri

Mohd Azizi B Mohamad

Muhd Saufi B Zainal azman

Hisyamuddin Abdulah

Edil B Jafar

KUMPULAN PERSEMBAHAN

Kumpulan Mak Yong Kijang Emas, Kelantan

Pengurus Kumpulan

Pn. Roslina bt Noor

Kumpulan Mak Yong ASWARA

Pengurus Kumpulan

Pn. Raja Nor Sheela bt Raja Aziddin

Kumpulan Mak Yong Seri Nilam Istana Budaya

Pengurus Kumpulan

En. Rosnan bin Abdul Rahman

Kumpulan Mak Yong Dewa Muda FSM UPSI

Pengurus Kumpulan

Cik Lena Farida Hussain Chin

Kumpulan Tunas Budaya Mak Yong

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pengurus Kumpulan

Puan Angelai Pakree

Kumpulan Pemuzik Mak Yong ASWARA

Pengurus Kumpulan

En. Mohd Nasir Yusoff

Menghadap Kami Ke Timur

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara mengucapkan terima kasih dan setinggi - tinggi penghargaan kepada:

- Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
- Jabatan Warisan Malaysia
- Jabatan Penerangan Malaysia
- Polis DIRaja Malaysia
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Perlis
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Terengganu
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Media Cetak & Elektronik Seluruh Negara

serta semua yang terlibat dan memberi sokongan bagi menjayakan dan menyempurnakan Mak Yong Ekstravaganza '08.

Acara JKRKN Akan Datang

Pertandingan Akhir Bintang Irama Malaysia | 29 November
RTM Angkasapuri, KL

Konsert Jelajah Koir Kebangsaan | 30 November
Auditorium Muzium Alam Shah, Shah Alam

Jelajah Mak Yong
Taman Budaya Perlis | 3 Disember
Taman Budaya Melaka | 3 Disember
Taman Budaya Negeri Terengganu | 6 Disember

Konsert Jelajah Koir Kebangsaan | 13 Disember
Auditorium RTM Johor Bahru

Konsert Jelajah Koir Kebangsaan | 19 Disember
Negeri Terengganu

Hak Milik :



كلامه سي كغسان

Konsert Jelajah Koir Kebangsaan 'Musang Berjanggut' | 19-21 Disember
Taman Budaya, Kuala Lumpur

Manjut, layari
www.jkrkn.gov.my



Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (JKKN)

Tingkat 21-34 Bangunan MAS 50250 Jln Sultan Ismail Kuala Lumpur

Tel: 03-20523600 Faks: 03-2163 3859